

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, February 27, 2017 8:27 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Naib Canselor Jadi Ahli Panel Bicara Persada Kupas Isu Pelaburan China Di Malaysia



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



27 FEBRUARI 2017 / 30 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

NAIB CANSELOR JADI AHLI PANEL BICARA PERSADA KUPAS ISU PELABURAN CHINA DI MALAYSIA



UUM ONLINE: Bangi - Bicara Persada Ke-33 dengan tajuk Pelaburan China di Malaysia: Antara Pemacuan Ekonomi dengan Keutuhan Kedaulatan telah menampilkan Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak sebagai salah seorang ahli panel bagi mengupas isu hala tuju pelaburan China di negara ini.

Program anjuran Jabatan Canselori dan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM itu diadakan di Persada Canselori, UKM, pagi tadi yang mana turut menampilkan tiga lagi ahli panel iaitu Ketua Eksekutif, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Datuk Ismail Ibrahim; Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif II, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Dato'Wan Hashim Wan Jusoh dan Profesor Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM, Prof Dr Jamal Othman bersama moderator, Shuhaimi Mohamed dari RTM.

Dalam bual bicara tersebut, ahli panel membincangkan isu berkaitan pelaburan China di Malaysia yang secara tidak langsung turut berhubung kait dengan pelaburan dan keselamatan negara.

Naib Canselor berkata, di UUM sendiri pelajar dari UUM COB khususnya turut mengambil kelas Bahasa Mandarin bagi sembilan jam kredit yang mana ia akan memberi manfaat jika pelajar dapat mempelajari Bahasa Mandarin memandangkan China banyak membuat pelaburan dalam pembinaan dan pembuatan.

Ujarnya, setiap tahun UUM menghasilkan hampir 2,000 pelajar yang boleh bertutur dalam Bahasa Mandarin dan beliau berharap tiada isu dalam pengambilan pekerja apabila mereka menamatkan pengajian nanti.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
✉ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.